

KKT&P: 400 - 4 / 16 / (2)

03hb. September 2004

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan & Tawau

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Kerja
Majlis-majlis Daerah

KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM, KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU, KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN, LABUK SUGUT/BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 2/2004 - PROSEDUR PEMBAYARAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kementerian ini telah melaksanakan satu sistem baru untuk pemprosesan baucar bayaran bagi projek-projek dibayar dari peruntukan persekutuan. Sistem ini bertujuan untuk memperbaiki sistem bayaran yang sedia ada bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan Piagam Pelanggan Kementerian.

2. Kaedah Pelaksanaan

- a) Pihak Majlis adalah bertanggungjawab untuk mengisi borang kawalan kelompok. Bersama-sama ini disertakan sesalinan borang kosong dan sesalinan borang yang telah diisi sebagai contoh. Sila penuhi ruangan yang ditanda (x) seperti butiran dalam borang contoh. Pihak Majlis bolehlah mendapatkan borang-borang ini di pejabat Jabatan Cetak Kerajaan sama ada di Sabah ataupun di Sarawak atau membuat salinan daripada borang kosong yang disertakan.
- b) Pihak Majlis adalah bertanggungjawab untuk mengisi nombor baucar dan nombor kelompok serta memasukkan juga tarikh baucar disediakan. Sila rujuk lampiran A tentang nombor baucar dan nombor kelompok yang telah ditetapkan untuk pihak majlis yang berkenaan.
- c) Sila pastikan ruangan *AP 99 dan AP 102 dipatuhi* dikosongkan.

.. 2 /-

d) Sekiranya terdapat pertanyaan (query) daripada Jabatan Akauntan Negara ke atas baucar yang telah dihantar, sila gunakan nombor baucar dan nombor kelompok yang belum digunakan (sistem di Jabatan Akauntan Negara tidak akan menerima penggunaan semula nombor yang sama untuk baucar *query*).

e) Semua baucar yang dihantar ke Kementerian, hendaklah dihantar terus kepada **Pn. Asmalaila Ahmad** di Bahagian Akaun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Tingkat 3, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens untuk didaftarkan terlebih dahulu.

3. Penutup

Diharap dengan kerjasama daripada pihak Majlis, pemprosesan baucar bayaran di Kementerian akan lebih sistematik lagi. Jika terdapat sebarang keraguan dengan prosedur baru ini, sila hubungi Pn. Norlizah Ag. Ahmad (Akauntan) atau Encik Stephen Sibisin (Penolong Akauntan) di talian 088-256744.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

(DATUK UJANG SULANI)
Setiausaha Tetap

PSL/NAA

LAMPIRAN A

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Nombor Baucar	Nombor Kelompok
1	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	E 0601 - E 0650	E 601 - E 650
2	Majlis Perbandaran Sandakan	E 0651 - E 0700	E 651- E 700
3	Majlis Perbandaran Tawau	E 0701 - E 0750	E 701 - E 750
4	Lembaga Bandaran Kudat	E 0751 - E 0800	E 751 - E 800
5	Majlis Daerah Tuaran	E 0801 - E 0850	E 801 - E 850
6	Majlis Daerah Kota Belud	E 0851 - E 0900	E 851 - E 900
7	Majlis Daerah Papar	E 0901 - E 0950	E 901 - E 950
8	Majlis Daerah Beaufort	E 0951 - E 1000	E 951 - 1000
9	Majlis Daerah Kuala Penyu	E 1001 - E 1050	1001 - 1050
10	Majlis Daerah Semporna	E 1051 - E 1100	1051 - 1100
11	Majlis Daerah Kunak	E 1101 - E 1150	1101 - 1150
12	Majlis Daerah Lahad Datu	E 1151 - E 1200	1151 - 1200
13	Majlis Daerah Keningau	E 1201 - E 1250	1201 - 1250
14	Majlis Daerah Tenom	E 1251 - E 1300	1251 - 1300
15	Majlis Daerah Nabawan/Pensiangan	E 1301 - E 1350	1301 - 1350
16	Majlis Daerah Labuk Sugut/Beluran	E 1351 - E 1400	1351 - 1400
17	Majlis Daerah Kota Kinabatangan	E 1401 - E 1450	1401 - 1450
18	Majlis Daerah Tambunan	E 1451 - E 1500	1451 - 1500
19	Majlis Daerah Penampang	E 1501 - E 1550	1501 - 1550
20	Majlis Daerah Sipitang	E 1551 - E 1600	1551 - 1600
21	Majlis Daerah Kota Marudu	E 1601 - E 1650	1601 - 1650
22	Majlis Daerah Ranau	E 1651 - E 1700	1651 - 1700